



PUBLIC BANK

LAPORAN TAHUNAN 2020

Pernyataan Bersama oleh **Pengerusi Dan Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif**

Bermulanya wabak COVID-19 pada tahun 2020 membawa implikasi yang cepat dan meluas di serata dunia. Wabak itu telah menjejaskan kesihatan masyarakat dengan begitu teruk, mengakibatkan kesulitan ekonomi dan memberi kesan negatif terhadap kehidupan masyarakat.

Malaysia tidak terlepas daripada wabak COVID-19 itu. Ketika gelombang pertama wabak itu bermula pada awal tahun 2020, Kerajaan Malaysia dengan segera mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan untuk menghadkan pergerakan dan

operasi pelbagai sektor ekonomi, dalam usaha untuk mencegah penyebaran wabak COVID-19 berkenaan.

Berikutan sekatan kawalan pergerakan yang berkurangan secara beransur-ansur pada separuh kedua tahun 2020, berserta rangsangan yang proaktif dan sokongan daripada Kerajaan dan Bank Negara Malaysia, aktiviti ekonomi bergerak semula secara berperingkat-peringkat. Bagaimanapun, sentimen pengguna dan perniagaan terus murung berikutan berulangnya COVID-19 dan ketidakpastian yang menyelubungi wabak tersebut.

Kumpulan Public Bank tidak kebal terhadap kesan daripada wabak COVID-19 itu. Keadaan ekonomi yang lemah dan pengurangan Kadar Dasar Semalaman memberi kesan ketara terhadap peningkatan keuntungan Kumpulan pada tahun 2020. Prestasi kewangan Kumpulan juga dipengaruhi oleh kerugian akibat pengubahsuaian satu kali yang berlaku pada tahun itu lantaran bantuan COVID-19 yang ditawarkan kepada individu dan perniagaan. Kumpulan juga mengetepikan peruntukan yang lebih tinggi secara berhemat sebagai langkah pencegahan di tengah-tengah ketidakpastian ekonomi, yang memberikan lebih tekanan ke atas keuntungannya.

Namun begitu, Kumpulan Public Bank terus mengekalkan keuntungannya yang belum dipecahkan pada tahun 2020. Kumpulan memperoleh keuntungan sebelum cukai sebanyak RM6.29 bilion dan keuntungan bersih sebanyak RM4.87 bilion milik pemegang-pemegang sahamnya, disokong oleh pengembangan berterusan dalam pinjaman dan depositnya serta peningkatan pendapatan tanpa faedahnya.



LAI WAN
Pengerusi

**TAN SRI DATO' SRI
TAY AH LEK**
Pengarah Urusan /
Ketua Pegawai Eksekutif

Pada tahun 2020, Kumpulan Public Bank mencapai pertumbuhan pinjaman sebanyak 4.6%. Dari segi domestik, Kumpulan mencapai pertumbuhan pinjaman melebihi industri sebanyak 5.4%, berbanding dengan pertumbuhan pinjaman industri sebanyak 3.4%. Bagi segmen pinjaman utamanya, jumlah pinjaman domestik Kumpulan untuk pembelian harta tanah kediaman meningkat sebanyak 8.2%. Sementara itu, perniagaan sewa beli mencatat pertumbuhan pinjaman yang baik sebanyak 6.6%.

Kredit Kumpulan Public Bank yang diberikan kepada perusahaan kecil dan sederhana ("PKS") mencatatkan pertumbuhan yang baik, dipacu oleh penyertaan aktif Kumpulan dalam mempromosi skim pembiayaan khas yang dimulakan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia untuk membantu PKS mengatasi cabaran COVID-19. Disokong oleh inisiatifnya yang proaktif, Kumpulan meluluskan lebih daripada RM3.4 bilion kepada kira-kira 16,000 perniagaan PKS di bawah skim pembiayaan khas ini.

Dari segi pendanaan, jumlah deposit Kumpulan Public Bank meningkat sebanyak 3.5%, sementara deposit domestik meningkat sebanyak 3.8%. Francais deposit Kumpulan yang kukuh dan jenama PB yang kekal bertahan terus menjadi pemacu nilai, sekali gus menggerakkan deposit yang lebih tinggi untuk Kumpulan.

Di samping itu, pendapatan tanpa faedah Kumpulan Public Bank meningkat dengan baik pada tahun 2020, terutamanya disumbangkan oleh pelaburan dan pendapatan pembrokeran saham yang lebih tinggi serta pendapatan lebih tinggi daripada perniagaan pengurusan unit amanahnya yang dijalankan oleh Public Mutual, anak syarikat milik penuh Kumpulan. Pada tahun tersebut, Public Mutual mencatatkan pertumbuhan keuntungan sebanyak 10.5% dan mengekalkan penerajuan pasarnya dengan bahagian pasaran terbesar sebanyak 33.4% dalam industri unit amanah swasta runcit.

Kualiti aset Kumpulan Public Bank yang kukuh terus membezakan Kumpulan daripada pesaing-pesaingnya. Nisbah pinjaman terjejas kasar Kumpulan berada pada 0.4% pada akhir tahun 2020, berbanding dengan nisbah pinjaman terjejas kasar industri perbankan sebanyak 1.6%.

Wabak COVID-19 memberi kesan yang besar ke atas aktiviti ekonomi dan pasaran buruh, menimbulkan risiko ke bawah kepada kualiti aset industri perbankan. Bagaimanapun, langkah-langkah bantuan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia, terutamanya moratorium automatik dan bantuan pembayaran balik yang bersasar membantu mengurangkan tekanan ke atas kualiti aset. Tambahan pula, Kumpulan Public Bank mengambil inisiatif yang proaktif untuk terlibat dalam memberikan bantuan kepada pelanggan yang menghadapi masalah kewangan dengan menawarkan pelbagai pakej pembayaran balik yang fleksibel dan sokongan pemulihan hutang. Paling ketara, budaya risiko kredit Kumpulan yang kukuh dan portfolio pinjamannya yang berdaya tahan, serta rizab berhemat bagi kerugian pinjaman yang telah diketepikan akan memberikan penampakan yang kuat bagi Kumpulan untuk mengatasi cabaran yang mungkin ada dalam kualiti aset.

Tahun 2020 merupakan tahun yang mengalami banyak perubahan yang belum pernah terjadi sebelum ini. Normal baharu mempercepatkan penerimaan pakai digital dalam banyak bidang disebabkan oleh keterbatasan pergerakan. Kumpulan Public Bank berupaya menyesuaikan diri dengan pantas dan bertindak balas dengan sewajarnya terhadap perubahan tersebut. Untuk memastikan akses pelanggan yang berterusan kepada perkhidmatan perbankan, Kumpulan terus memperhebatkan usaha pendigitalan dan inovasi teknologinya bagi meningkatkan keberkesanan dan tindak balas saluran penyampaiannya. Kumpulan melaksanakan pelbagai usaha dan pelaburan untuk memperbaiki dan meningkatkan platform perbankan internet dan mudah alihnya bagi menyediakan perkhidmatan perbankan dalam talian yang lebih lancar dan cekap kepada pelanggannya.

Inisiatif Kumpulan Public Bank yang proaktif dalam mempromosikan pembayaran secara elektronik terus mendapat pengiktirafan daripada organisasi berprestij. Pada Anugerah Kecemerlangan e-Pembayaran Malaysia 2020 oleh PayNet, Kumpulan Public Bank muncul sebagai pemenang terbesar dengan merangkul lapan anugerah atas sumbangan cemerlang dalam mempromosikan e-pembayaran.

Meskipun terdapatnya halangan berikutan wabak COVID-19 itu, Kumpulan Public Bank tidak mengabaikan inisiatif pengurusan bakat. Kumpulan terus melabur dengan banyaknya dalam program pembangunan kakitangan dan program keterlibatan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangannya. Kumpulan juga melaksanakan pelbagai program latihan dalam talian untuk menggalakkan kakitangannya belajar sendiri.

Mengenai pengurusan alam sekitar, sosial dan tadbir urus ("ESG"), Kumpulan Public Bank mengambil peranan yang lebih proaktif dalam mempromosikan pembiayaan lestari dan Pengantaraan berasaskan Nilai. Melangkah ke hadapan, Kumpulan akan terus bergerak lebih jauh bagi memenuhi peranan warga korporatnya dalam menggalakkan kesedaran dan amalan ESG.

Meninjau ke hadapan pada tahun 2021, ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pemulihan, disokong oleh pelbagai rangsangan dan bantuan, peningkatan dalam permintaan global serta penawaran vaksin COVID-19. Dengan penambahbaikan dalam persekitaran operasi, Kumpulan Public Bank dijangka mencapai prestasi lebih baik pada tahun 2021. Asasnya yang kukuh dan kedudukan pasaran yang teguh akan terus menyediakan sokongan yang kuat dalam memacu pertumbuhan perniagaan Kumpulan. Seiring dengan perubahan yang dihadapi, Kumpulan akan menguruskan risiko secara proaktif dengan memastikan aktiviti perniagaan dan pengurusan risikonya disemak dan diselaraskan dengan segera. Yang paling penting, Kumpulan akan terus menumpukan pada mengoptimumkan nilai pihak-pihak berkepentingan tanpa berkompromi terhadap keuntungan.

Tahun 2021 merupakan tahun ke-55 Kumpulan Public Bank berada dalam industri perbankan. Kumpulan akan terus berdiri teguh dan kekal bersemangat dalam komitmennya terhadap integriti dalam usaha untuk memenuhi keperluan kewangan pihak-pihak yang berkepentingan dengannya. Sepanjang perjalanan ini, kami bernasib baik kerana Tan Sri Dato' Sri Dr. Teh Hong Piow, Pengasas, Pengerusi Emeritus, Pengarah dan Penasihat kami terus memberikan bimbingan yang tidak ternilai. Bagi pihak Kumpulan, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan penghormatan kepada Tan Sri Teh, seorang yang berpandangan jauh, amat berpengalaman dan memiliki kepintaran luar biasa. Kumpulan Public Bank akan terus memperkukuhkan jenama PB yang dipercayai dan bereputasi dalam usaha untuk memperoleh pencapaian lebih baik pada masa hadapan.

Lai Wan
Pengerusi

Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek
Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif

5 April 2021